



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN  
PEKERJA**

**KOD KURSUS : DSM2143**

**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**

**MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tuliskan jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

Huraikan **lima (5)** tujuan perekrutan dan pemilihan pekerja.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Apakah tindakan sekiranya organisasi gagal mengambil dan memilih pekerja yang sesuai untuk mengisi mana-mana jawatan kosong dalam organisasi?

(10 markah)

**SOALAN 3**

Pada 6 April 2020, Kerajaan Persekutuan telah membentangkan pakej rangsangan ekonomi dengan jumlah dana sebanyak RM10 bilion, dan kebanyakannya sebagai subsidi gaji kepada syarikat-syarikat Perusahaan Kecil Dan Sederhana supaya jangan membuang pekerja-pekerja mereka disebabkan

**Pernyataan 1**

Berdasarkan kepada pernyataan 1, apakah yang akan anda lakukan bagi mengelakkan daripada berlakunya pembuangan pekerja?

(10 markah)

**SOALAN 4**

Encik Zakri adalah Pegawai Pengurus Sumber Manusia di Syarikat Perabot Indah. Beliau telah mengambil pekerja operator pengeluaran secara berlebihan. Sekiranya anda adalah Encik Zakri, apakah tindakan yang akan anda lakukan bagi mengatasi lebihan pekerja operator pengeluaran.

(10 markah)

**SOALAN 5**

Pak Mat mempunyai sebuah pasar raya membeli-belah di Kulai, Johor. Beliau memerlukan seorang pekerja yang mahir sebagai Pengurus Sumber Manusia. Anda diminta menyediakan deskripsi kerja bagi jawatan Pengurus Sumber Manusia untuk Pak Mat.

(10 markah)

**SOALAN 6**

Jelaskan **lima (5)** kaedah yang boleh digunakan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan proses kerja yang dilakukan oleh pekerja dalam organisasi

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tuliskan jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Abu Bakar hendak memohon jawatan sebagai pensyarah di Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ). Beliau mempunyai sarjana muda dalam Pengurusan Sumber Manusia dan berpengalaman dalam bidang akademik lebih 5 tahun. Oleh itu, Abu Bakar dikehendaki menyediakan biodata diri untuk mohon jawatan berkenaan.

(10 markah)

- b. Syarikat Air Asia menawarkan jawatan kosong sebagai kapten kapal terbang. Apakah ujian yang sesuai semasa temuduga dilaksanakan? Jelaskan jawapan anda.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Bagaimanakah universiti atau kolej dapat membantu syarikat dalam menyediakan calon pekerja yang sesuai?

(10 markah)

- b. Ahmad telah mendapat tawaran pekerjaan dari syarikat ABC. Bagaimanapun Ahmad telah menolak tawaran tersebut dengan cara baik. Apakah yang akan dilakukan oleh Ahmad bagi menolak tawaran pekerjaan tersebut?

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**